PERIBAHASA PERPADUAN

Standard Pembelajaran

4.2.1 Memahami dan menggunakan perbandingan semacam, kata-kata hikmat, kiasan, madah pujangga dan bahasa berirama dengan betul mengikut konteks.

Suai padankan peribahasa berikut dengan maksud yang telah diberikan.

bersatu teguh, bercerai roboh	telur sesangkak, pecah satu pecah semua
seikat bagai sirih, serumpun bagai serai	sebagai minyak dengan air
bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat	kuat berdiri pohon kerana akarnya, kuat akar kerana tanah
sakit sama mengaduh, luka sama menyiuk	duduk sama rendah, berdiri sama tinggi

(a) _____

Maksud: orang yang sama sedarjat, setaraf

(b) _____

Maksud: orang yang bermusuhan atau tidak sehaluan mustahil dapat dicampurkan jadi satu



(c) _____

Maksud: orang yang bermuafakat benar; seia sekata

(d) _____

Maksud: sama-sama ikut bertanggungjawab, susah senang dirasai bersama

(e) _____

Maksud: bersatu hati

(f) _____

Maksud: sepakat tercapai dalam mesyuarat

(g) _____

Maksud: persefahaman dalam sesebuah masyarakat dapat membuahkan kejayaan manakala perbalahan menyebabkan perpecahan

(h) _____

Maksud: kekuatan sebuah kerajaan kerana orang besar-besarnya, kekuatan orang besar-besar kerana rakyatnya yang bersatu padu

Madah pujangga

"Manusia yang lemah sekalipun jika bersatu padu akan dapat menggoncangkan dunia. Demikianlah kesannya perpaduan." – Tun Dr Mahathir Mohamad

Bahasa berirama

Hiduplah kita dalam muhibah. Selisih faham jangan dibiar berbanah, kelak ditimpa musibah. Sama ke bukit, sama ke lembah. Muafakat selalu biar jadi gagah.

LIVEWORKSHEETS